



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyop Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Puasa 2 - 25 Februari 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, berilah umat-Mu anugerah untuk melawan pencubaan daripada dunia, kedagingan dan iblis, dan dengan hati dan fikiran yang murni mengikut Engkau, Allah yang tunggal, melalui Yesus Kristus, Tuhan kami. Amin



“marilah kita
menanggalkan semua
beban dan dosa yang
begitu merintangangi kita ...”
- Ibrani 12:1

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. PENTAHBISAN, RETRET & KONFERENSI

Petang esok, 7:30 malam, di Katedral All Saints, 23 tahbisan akan dijadikan diakon atau paderi yang ditahbiskan. Semua jemaat digalakkan untuk menyertai acara tersebut; untuk menyaksikan dan berdoa. Dengan izin Tuhan, Rev. StJohn Perry akan menjadi paderi.

Pautan Facebook: <https://fb.me/e/1KsWxuk2m>

Dari Selasa-Khamis, 27-29 Feb, Bishop Melter akan mengumpulkan semua paderi dan pastor di seluruh diosis untuk retret dan konferensi tahunan mereka. Dari gereja kita yang terlibat ialah Rektor, Rev. Samuel, Pastor Margaret dan Pastor Andriano. Bishop Chen Fah ialah fasilitator untuk retret, pada hari Selasa. Berdoa untuk masa berkualiti bersama, sambil mereka membuat perancangan untuk sepanjang tahun ini.

2. MUSIM PUASA

Tempoh masa 40 hari sangat baik diisi dengan masa untuk renungan, pertaubatan, dan pembaharuan.

- 'Doa Harian Musim Puasa' - setiap hari, Isnin-Jumaat, jam 12:00 tengah hari. Ia dijalankan di gereja, dan dalam talian (hibrid); dalam BC, BI & BM (bilik doa berasingan). Dipanjangkan masa untuk berdoa. Anda juga boleh menghantar permintaan doa anda.

Semua dialu-alukan; termasuk rakan-rakan kita. Khamis dan Jumaat lepas, sekitar 40-50 orang menyertainya.

Zoom Meeting ID: [846 5515 2727](https://zoom.us/j/84655152727) Passcode: 0224

- Libatkan diri dalam aktiviti yang akan membawa kita lebih dekat kepada Tuhan - hadirilah ibadah Doa Malam Pujian (malam ini - Rod Winter), dengar renungan, muzik dan lagu Kristian, atau baca buku Kristian. Lawati orang sakit, memerlukan dan kesepian
- Tanggalkan tabiat buruk atau ketagihan tertentu; dan untuk membangunkan gaya hidup sihat.
- Gotong-royong. Buang yang bersepeh dan kemaskan yang berantakan di rumah atau pejabat kita. Dan yang paling penting, di dalam hidup kita!!



3. PUJI TUHAN & TERIMA KASIH

Sehingga kini, sejumlah RM11,015 telah diterima melalui 'Angpow Kesyukuran'; untuk 'Dana Kebajikan & Misi'.

4. KEBAKTIAN HAKKA

Bermula minggu hadapan, 3 Mac, setiap Ahad pertama setiap bulan, Kebaktian Bahasa Cina kita akan dijalankan dalam Bahasa Hakka. Penghuni

dari ARK juga dijemput untuk mengikuti kebaktian.

5. KHUTBAH MUSIM PUASA

Untuk beberapa hari Ahad yang akan datang, kita akan mengikuti tema umum 'Menanggalkan' - "Marilah kita **menanggalkan** semua beban dan dosa yang begitu merintanginya, dan berlomba dengan tekun dalam perlombaan yang diwajibkan bagi kita.". Ibrani 12:1. Kita akan menggunakan Khotbah Yesus di Bukit untuk membimbing pemikiran kita:



- 25 Feb, hari ini: 'Menanggalkan kemarahan' - Matius 5:17-27
- 3 Mac - Puasa 3: 'Menanggalkan dendam' - Matius 5:38-48
- 10 Mac - Puasa 4: 'Menanggalkan ketamakan' - Matius 6:1-4, 19-24
- 17 Mac - Puasa 5: 'Menanggalkan kekhuatiran' - Matius 6:25-34.

6. GOTONG-ROYONG

Minggu hadapan, petang, 2:30 petang-5:00 petang. Datanglah dan bawa sekali kain buruk, baldi, penyapu, pemotong rumput, dsb. - dan marilah kita memberi wajah baharu kepada gereja kita dan persekitarannya. Kita ingin siap sedia untuk menyambut kehadiran 400 orang peserta untuk Konferensi Penyembahan Kanak-Kanak Diosis.

7. PEMIMPIN-PEMIMPIN SEL DEWASA

Rektor akan bertemu dengan pemimpin Bhs. Inggeris pada 10 Mac; dan Bhs. Cina pada 17 Mac.

8. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 4-7 Mac - Konferensi Kanak-Kanak BC & BI, Christ Church Likas. Berdoalah untuk pekerjaan Roh Kudus yang hebat.
- 10-12 April - Konferensi Doa BM, Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penderobosan. Daftarlh sekarang.

9. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN - notis awal.

24 Mac, Minggu Palma - AGM kita. Sila buat rancangan untuk menghadiri perhimpunan keluarga tahunan kita. Walaupun tahun ini kita tidak perlu mengundi untuk pemilihan PCC baharu, daftar pemilih masih akan dipaparkan, untuk kemas kini. Bagi ketua pelayanan yang akan menulis laporan, sila mulakan proses berbuat demikian.

10. PELAYANAN LAIN

- 29 Feb, Khamis ini, 8:00 pagi: Kebaktian Perjamuan Kudus di gereja. 9:00 pagi dan seterusnya: lawatan rumah. Sila hubungi pejabat gereja, jika orang tersayang anda memerlukan pelayanan ini.
- 2 Mac, 9:30 pagi - *The Evergreens*, Dewan Omega.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



TANGGALKANLAH

“Marilah kita menanggalkan semua beban dan dosa yang begitu merintanginya, dan berlomba dengan tekun dalam perlombaan yang diwajibkan bagi kita. Marilah kita melakukannya dengan mata yang tertuju kepada Yesus”
- Ibrani 12:1-2

Pengenalan:

- Beberapa perkara yang perlu ditanggalkan dalam hidup kita; supaya kita boleh menjalani kehidupan Kristian dengan setia.
- Khutbah Yesus di Bukit menunjukkan beberapa perkara yang perlu kita tanggalkan - kemarahan, dendam, ketamakan, kekhawatiran.
- Memiliki emosi adalah normal bagi manusia.
- Kemarahan adalah emosi biasa seseorang.

1. Kemarahan yang Benar

- i. Kemurkaan Tuhan - Keluaran 23:6; Ulangan 9:8; Mazmur 85:5
- ii. Kemarahan Yesus - Yohanes 2:13-22
- iii. Kemarahan kita - Efesus 4:26-27; Mazmur 4:4

2. Kemarahan yang Memudaratkan

- i. Berwaspadalah dengan 'hati'; bukan hanya perbuatan.
- ii. Berwaspadalah dengan akibatnya; bukan sekadar keinginan.

Penutup:

- diri yang sihat
- masyarakat yang sihat

UNTUK DIDOAKAN

Dunia kita yang tercinta

- berdoa untuk keamanan dunia

[agar keganasan di Timur Tengah tidak akan meningkat lagi]

Diosis kita yang tercinta

- berdoa untuk para calon tabhisan

[untuk St.John Perry, dan 22 yang lain bakal ditahbiskan sebagai diakon & paderi]

Diri sendiri

- berdoa untuk musim Puasa yang bermakna

[untuk bimbingan Tuhan dalam kehidupan peribadi kita]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.